



## **TALKING POINT**

**YB MENTERI BELIA DAN SUKAN  
SAMBUTAN HARI KESUKARELAWANAN BELIA MALAYSIA 2021  
5 DISEMBER 2021 (AHAD)  
HOTEL CASUARINA IPOH, PERAK**

---

# UCAPAN ALUAN

## ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM SEJAHTERA

Hari ini 5 Disember merupakan Hari Sukarelawan Antarabangsa. Saya mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan Selamat Hari Sukarelawan kepada semua sukarelawan yang berada di luar sana. Anda adalah wira yang tidak didendangkan (***The Unsung Heroes***). Anda semua merupakan perkhidmatan sokongan negara dalam menyalurkan bantuan kepada yang memerlukan sama ada dalam atau luar negara.

## LATAR BELAKANG

1. Pada tahun 2021, Kajian ***World Giving Indeks (WGI)*** yang telah dikeluarkan oleh ***Charities Aids Foundation (CAF)*** menunjukkan, Malaysia berada di tangga kedua sembilan (29) daripada 114 negara.
2. Salah satu indikator dalam pengumpulan data indeks tersebut adalah “masa yang diperuntukkan oleh individu atau kumpulan dalam membuat kerja-kerja kesukarelawanan”.

3. Aktiviti kesukarelawanan merupakan **suatu skop yang luas**, di mana ia melibatkan penyertaan aktif belia dan komuniti dalam pelbagai bidang **kehidupan, bantuan dan khidmat sokongan dalam konteks pembangunan komuniti, pendidikan, kesihatan, sosio-ekonomi, pertanian, alam sekitar, bencana, kebajikan, perpaduan** dan lain-lain.
  
4. Kesukarelawanan dan kemanusiaan **bukan sekadar suatu pengalaman pembelajaran**, malah ia merupakan suatu **proses meningkatkan kesedaran dan keprihatinan** serta **melahirkan rasa kebertanggungjawaban** di kalangan masyarakat tentang kepentingan penglibatan juga sumbangan mereka secara bersepadu dalam aktiviti kemasyarakatan untuk pembangunan bangsa dan negara.

5. **Semangat kesukarelawanan** dalam kalangan Rakyat Malaysia **perlu dipupuk dan disematkan sejak awal lagi**. Ia adalah batu asas kepada masyarakat yang prihatin, bertanggungjawab, saling bantu membantu tidak kira agama, kaum dan warna kulit.
  
6. Semangat ini juga perlu diterapkan dan dipupuk melalui kerjasama daripada pelbagai pihak sama ada individu, badan Kerajaan dan pertubuhan bukan Kerajaan.

7. Kegiatan sebegini secara umumnya adalah melakukan kerja-kerja kebajikan atau kemanusiaan **tanpa sebarang bayaran atau ganjaran kewangan** berpaksikan secara sukarela dengan matlamat akhirnya dapat memanfaatkan pihak yang memerlukan.
8. Majoriti sukarelawan berkorban masa, tenaga dan wang ringgit dalam aktiviti kesukarelawanan yang dilaksanakan bersama persatuan, badan-badan Kerajaan atau NGO pilihan.
9. Melalui kegiatan seperti ini membolehkan masyarakat meluaskan **“networking”** atau jaringan kerjasama antara masyarakat, badan-badan Kerajaan dan bukan Kerajaan (NGO) mahupun persatuan-persatuan tempatan ataupun antarabangsa.

10. Yang akhirnya membolehkan mereka menjadi “**duta sosial**” yang mampu memberikan tanggapan positif masyarakat tempatan di dalam dan luar negara kepada Malaysia.
  
11. Menyedari hakikat ini, bagi meningkatkan kesedaran berkaitan budaya kesukarelawanan di kalangan rakyat Malaysia terutamanya kepada golongan belia, Kementerian Belia dan Sukan telah mewujudkan **Sambutan Hari Kesukarelawanan Belia Malaysia** bagi memberi kesedaran dan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam program/ aktiviti kesukarelawanan dan kemanusiaan melibatkan semua lapisan masyarakat dari kalangan warganegara Malaysia.

12. Selain itu, ia adalah bagi menyemarakkan lagi **Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa** atau *International Volunteer Day (IVD)* yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 5 Disember setiap tahun. Dengan tema tahun ini ***“Volunteer now for our common future” (Bersukarela sekarang untuk masa depan kita bersama)***
  
13. Di samping itu, melalui sambutan ini juga secara tidak langsung dapat **member pengiktirafan dan menggalakkan penglibatan** semua lapisan masyarakat dalam **menceburi dunia kesukarelawanan dan kemanusiaan** tanpa mengira perbezaan latar belakang.



## KAJIAN/ STATISTIK

1. Merujuk kepada Kajian Penilaian *Outcome* Indeks Belia Malaysia 2019 (IBM'19) yang telah dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) menunjukkan, di bawah Domain Identiti mendapati indikator sukarelawan masih di tahap sederhana dengan dapatan skor sebanyak 60.93 peratus.
2. Terdapat satu lagi Kajian Kesedaran Mengenai Kesukarelawan di Malaysia yang telah dilaksanakan oleh IYRES menunjukkan 81.6% responden pernah terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan manakala 18.4% responden lagi tidak pernah terlibat.

3. Selain itu, penilaian terhadap penganjur program kesukarelawan khususnya daripada pihak NGO adalah pada tahap 60% iaitu dalam kategori memuaskan.

## **INISIATIF KERAJAAN**

1. Selain itu juga, pada 5 Oktober 2021, YAB Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah melancarkan Bulan Kesiapsiagaan Nasional (BKN) 2021 bertemakan 'Keluarga Malaysia Siaga Bencana'.

2. BKN ini bertujuan meningkatkan tahap kesedaran dan kesiapsiagaan pelbagai pihak terhadap bencana khususnya bagi menghadapi musim tengkujuh atau Monsun Timur Laut (MTL).
3. Budaya kesiapsiagaan dalam kalangan rakyat perlu melibatkan kerjasama bersepadu semua agensi kerajaan bermula dari peringkat pusat, negeri dan daerah serta pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), termasuk orang perseorangan.
4. Saya berharap lebih ramai sukarelawan di luar sana akan dapat bersama-sama membantu dan menghulurkan bantuan dalam misi-misi pasca bencana bila tiba masanya kelak.

5. Suka saya maklumkan, pada tahun 2022 Kementerian Belia dan Sukan akan melaksanakan inisiatif baharu untuk para sukarelawan. Inisiatif ini dijenamakan sebagai **Sukarelawan Belia Nasional** atau singkatannya **BENA**.
  
6. BENA bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta kebolehan kepada alumni-alumni atau bekas peserta program KBS. Peserta BENA nanti, akan dibimbing dan dilatih secara *upskilling* serta *reskilling* bagi membantu usaha KBS dalam pemeraksanaan komuniti di peringkat akar umbi.

7. Selaku Duta Sukarelawan (*Volunteer Ambassador*), peserta akan bertindak sebagai sukarelawan bagi menggerakkan kerja kesukarelawanan pasca bencana serta pengurusan acara dan sukan di peringkat komuniti setempat.
  
8. Melalui inisiatif BENA ini, peserta akan dilatih bagi membantu memperkasakan komuniti terutama dalam membantu menangani masalah kesihatan mental, masalah sosial dan membantu meningkatkan sosio ekonomi masyarakat di peringkat akar umbi. Inisiatif ini turut diperkasakan dengan penubuhan **Pusat Panggilan Sukarelawan** sebagai **One Stop Centre** kepada individu mahupun organisasi untuk mendapatkan khidmat sukarelawan secara lebih sistematik. Insha Allah.

## UCAPAN TERIMA KASIH

1. Sejak COVID-19 mula membarah di tanah air kita, sukarelawan ialah perawatnya yang setia; yang menatang kita bagi sebuah keluarga, tanpa jemu dan leka. Dalam mengharungi episod duka ini, keringat sukarelawan barisan hadapanlah yang telah sama-sama menjayakan setiap agenda Kerajaan dengan berkesan terutamanya dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).
2. Oleh yang demikian, sempena Sambutan Hari Kesukarelawanan Belia Malaysia pada tahun ini, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua 20 ribu orang **Sukarelawan Bukan Kesihatan Malaysia Vaccine Support Volunteers** atau

dikenali sebagai **MyVac** yang telah bertungkus-lumus dalam membantu pihak Kerajaan dalam proses pemberian vaksin di seluruh Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negara.

3. Berkorban masa serta wang ringgit tanpa jemu dan lelah demi **Keluarga Malaysia**, demi **Negaraku tercinta** untuk mencapai 100% imuniti kelompok atau *herd immunity*. Anda adalah wira negara!
4. Terima kasih, terima kasih, terima kasih saya ucapkan.

## PENGUMUMAN

5. Ini adalah sambutan **kali ketiga** bagi Hari Kesukarelawanan Belia Malaysia (HKBM) bagi memberi pengiktirafan dan menggalakkan penglibatan rakyat Malaysia dalam aktiviti/ program kesukarelawanan dan kemanusiaan.
  
6. Sambutan HKBM pada tahun ini juga diadakan serentak di seluruh negeri dengan pelbagai aktiviti seperti:
  - Gotong-royong
  - Webinar (Forum, Diskusi, *Sharing Session* dan Pertandingan)
  - Pemuliharaan alam sekitar; dan
  - Membudayakan Kempen Norma baharu Endemik COVID-19



7. Di samping itu, momentum Sambutan Hari Kesukarelawanan Belia Malaysia ini juga diteruskan lagi dengan pencarian **IKON SUKARELAWAN BELIA** dan pelbagai aktiviti seperti pertandingan **MENULIS ESEI, MENCIPTA VIDEO PENDEK DAN SENI FOTOGRAFI** bertemakan kesukarelawanan Pandemik COVID-19.
8. Pemenang pertandingan dan ikon sukarelawan belia tersebut akan dimaklumkan sebentar lagi. **TAHNIAH SAYA UCAPKAN KEPADA BAKAL PEMENANG.**
9. **SEMOGA DENGAN PELAKSANAAN PROGRAM DAN AKTIVITI KESUKARELAWANAN SEPERTI INI DAPAT MENYEMARAKKAN SEMANGAT KESUKARELAWANAN RAKYAT MALAYSIA.**

**10. Bak kata pepatah:**

**”SUKARELAWAN TIDAK DIBAYAR BUKAN KERANA MEREKA TIDAK BERHARGA, TETAPI MEREKA TIDAK TERNILAI HARGANYA”**

**11. Akhir kata daripada saya:**

**”SELAMAT MENYAMBUT HARI KESUKARELAWANAN BELIA MALAYSIA 2021”**

**Sekian, terima kasih.**